

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**[ KUALA PILAH ]**

**SOALAN** : **1**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA Kuala Pilah akan mula dibina memandangkan Jabatan Penilaian telah pun membuat penilaian bagi kos pengambilan tanah yang terlibat. Cadangan projek ini telah diumumkan pada RMK-10.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, peruntukan bagi projek pembinaan MRSM Kuala Pilah dalam RMKe-10 telah diagihkan (NOC) kepada projek pembinaan MRSM Semporna dan baki peruntukan sedia ada sebanyak RM10 juta adalah untuk skop perolehan tanah seluas 50 ekar sahaja. Permohonan untuk pembinaan MRSM Kuala Pilah dalam RP1 (2016) dan RP2 (2017) RMKe-11 tidak dipertimbangkan oleh EPU dan akan dipertimbang semula untuk RP3 tahun 2018.